



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



Ringkasan Eksekutif
Pelan Transformasi ICT
Kementerian Pendidikan Malaysia
2019-2023

*Memperkukuhkan keupayaan penyampaian ICT
untuk menyokong ekosistem pendidikan*

Ringkasan Eksekutif

Pelan Transformasi ICT 2019-2023 disediakan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menyokong sistem pendidikan secara keseluruhan dan pihak berkepentingan. Ia bertujuan untuk memenuhi keperluan kedua-dua sektor, Sektor Pendidikan dan Sektor Pendidikan Tinggi termasuk Bahagian, Jabatan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan institusi pendidikan di bawah pengurusan Kementerian (sekolah, Politeknik, Kolej Komuniti, Kolej Vokasional, Kolej Matrikulasi dan Institusi Pengajian Tinggi Awam). Pelan ini tidak menentukan atau menetapkan kurikulum atau sukatan pelajaran.

Ringkasan Eksekutif

Dokumen ini menerangkan Pelan Transformasi ICT (*ICT Transformation Plan, ITP*) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sepanjang tempoh lima (5) tahun iaitu bermula dari tahun 2019 hingga 2023. Pembangunan pelan ini telah melalui beberapa siri rundingan dengan penglibatan dan penyertaan aktif daripada pihak KPM dan pelbagai pemegang taruh utama. Proses ini melibatkan pelbagai aktiviti seperti pengumpulan data, sesi temu bual bersama pihak pengurusan tertinggi, soal selidik bersama pengguna dan kakitangan ICT, kajian semula dokumen utama KPM, sesi penerangan bersama pemegang taruh utama dan lawatan ke sekolah terpilih di seluruh Malaysia. Hasil dan analisis yang dikumpul juga dibentangkan dan dipersetujui semasa Bengkel Kerja Transformasi ICT KPM yang melibatkan kehadiran lebih kurang 100 orang pemegang taruh dari kedua-dua sektor utama KPM, iaitu Sektor Pendidikan (SP) dan Sektor Pendidikan Tinggi (SPT).

Dokumen *ITP* ini juga menerangkan persekitaran ICT masa hadapan yang ideal dan sejajar dengan inisiatif strategik dan operasi yang menyokong KPM dan usaha Kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan operasi ke tahap yang lebih tinggi.

Selain memperincikan persekitaran ICT di masa hadapan dan inisiatif yang dikenal pasti, pelan ini juga mengambil kira strategi pelaksanaan, garis masa keseluruhan dan usaha yang diperlukan oleh KPM untuk melaksanakan semua inisiatif tersebut sepanjang tempoh lima (5) tahun akan datang.

KPM merupakan antara Kementerian terbesar dalam sektor perkhidmatan awam di Malaysia yang bertanggungjawab terhadap keseluruhan sistem pendidikan awam, merangkumi pendidikan peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, prauniversiti dan pengajian tinggi. Sehingga tahun 2018, KPM menyelia lebih daripada 10,200 buah sekolah termasuk beberapa institusi latihan dan pembangunan guru seperti Institut Aminuddin Baki (IAB).

Dengan kadar perkembangan yang pesat, adalah penting bagi KPM untuk memenuhi keperluan operasi yang semakin meningkat melalui penggunaan ICT dan keupayaan digital. Justeru itu, *ITP* dibangunkan bagi memenuhi keperluan ini melalui beberapa komponen utama yang menjadi asas kepada persekitaran ICT yang menyeluruh dan praktikal untuk menyokong operasi seperti berikut:



Pendekatan yang diambil dalam mentakrifkan *ITP* adalah berdasarkan kepada strategi utama berikut:

- 1. **Memahami penjajaran bisnes**, kedudukan ICT di KPM, aspirasi KPM dan hala tuju strategik Kerajaan.
- 2. Mentaksir dan **menilai landskap arkitektur ICT yang sesuai** dan keupayaannya untuk menghubungkan sistem dan perkhidmatan berdasarkan prinsip dan standard umum.
- 3. Menetapkan **inisiatif ICT dan hala tuju yang optimum** bagi menyokong KPM untuk tempoh beberapa tahun akan datang.

Aspirasi

Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025) bagi SP dan PPPM (2015-2025) bagi SPT, KPM berhasrat untuk membantu dan mempersiapkan rakyat Malaysia bagi menghadapi cabaran ekonomi di peringkat antarabangsa pada abad ke-21. Kedua-dua pelan ini boleh diklasifikasikan kepada aspirasi sistem pendidikan dan aspirasi murid seperti berikut:

1. Aspirasi sistem pendidikan:

- 100% enrolmen merentasi semua peringkat pendidikan daripada prasekolah hingga menengah atas menjelang tahun 2020.
- Meningkatkan kadar enrolmen pendidikan tinggi daripada 48% kepada 70%.
- Meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan kepada lebih 80%.
- Meningkatkan taraf pendidikan tinggi Malaysia dalam ekonomi global.
- Memperbaiki kedudukan Malaysia dalam U21 daripada tangga ke-44 kepada tangga ke-25 menjelang tahun 2025.
- Lebih daripada 50% peningkatan bilangan pelajar antarabangsa menjelang tahun 2025.
- Memastikan semua warga Malaysia mempunyai peluang pendidikan tinggi untuk memenuhi potensi mereka tanpa mengira latar belakang kaum atau sosioekonomi.
- Memaksimumkan produktiviti pendidikan.
- Negara berada dalam kelompok sepertiga teratas bagi pentaksiran antarabangsa dalam tempoh 15 tahun.
- 50% pengurangan dalam jurang pencapaian (bandar-luar bandar, sosioekonomi dan gender) menjelang tahun 2020.
- Sistem Pendidikan yang menawarkan perkongsian pengalaman dan nilai kepada kanak-kanak dengan menghargai kepelbagaian.
- Sistem yang memaksimumkan keberhasilan murid mengikut peruntukan sedia ada.

2. Aspirasi murid:

Menghasilkan murid yang berkualiti berdasarkan ciri-ciri utama – Pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional.

Aspirasi yang digariskan dalam kedua-dua PPPM telah menetapkan matlamat dan sasaran akhir KPM menjelang penghujung tahun 2025. Aspirasi yang telah ditentukan dan dipersetujui bersama para pemegang taruh adalah seperti berikut:

1. Tenaga kerja yang inklusif, telus dan saling bersepakat untuk menyokong agenda strategik Kerajaan dan KPM.
2. Tenaga kerja yang inovatif, dinamik dan berprestasi tinggi untuk maju dalam pendidikan abad ke-21.
3. Mempelopori penggunaan teknologi yang bersesuaian dan keupayaan digital untuk memacu agenda pendidikan.
4. Kementerian yang berpaksikan data untuk memupuk budaya berkongsi ilmu.
5. Platform yang menghubungkan komuniti pendidikan untuk bekerjasama dan berkongsi idea.
6. Institusi pendidikan yang dilengkapi dengan keupayaan capaian Internet berkualiti dan berprestasi tinggi.
7. Peralihan yang efektif dan efisien dalam perancangan pendidikan bagi pelajar.

Keupayaan Bisnes

Dengan memahami matlamat dan sasaran akhir, KPM perlu mula memberi tumpuan kepada usaha memperkasakan keupayaan bisnes sedia ada supaya ia lebih kukuh dan berpotensi dalam mendukung operasi KPM ke arah mencapai matlamat Kementerian. Keupayaan bisnes utama yang telah dikenal pasti untuk dijadikan tumpuan oleh KPM adalah:

Memacu kecemerlangan operasi bertumpukan proses yang telus yang merangkumi pengurusan pelajar, tenaga mahir, institusi pendidikan dan pegawai KPM

- **Memudahkan proses sedia ada** dan memberi akses kepada maklumat dengan cepat dan tepat.
- Melaksanakan interaksi yang jelas, fokus dan relevan kepada pelajar, tenaga pengajar dan pegawai KPM untuk meningkatkan **tahap kepuasan pengguna**.
- Keupayaan membuat keputusan bermaklumat melalui penggunaan sumber sedia ada yang optimum.

Menggalakkan budaya berprestasi tinggi dan individu yang berkebolehan

- Tenaga kerja berkualiti dengan **menggalakkan pembangunan diri** dan kompetensi yang disokong oleh *enabling tools*.
- Menggalakkan pengurusan pembangunan modal insan melalui **pemusatan sumber tenaga manusia**.
- **Menempatkan personel secara efisien** di SP dan SPT.

Memacu penggunaan teknologi yang baharu dan inovatif dengan lebih strategik

- Keupayaan untuk bersikap **terbuka dan dinamik terhadap penggunaan teknologi** inovatif bagi menambah baik proses perkhidmatan.
- Penambahbaikan perkhidmatan dengan memperkenalkan keupayaan perkhidmatan baharu yang didorong oleh teknologi.
- Pengalaman PdP yang lebih berkesan melalui penggunaan teknologi yang inovatif.

Menyediakan persekitaran yang kolaboratif dan inklusif melalui penglibatan pemegang taruh secara efektif

- Proses **perkongsian maklumat dan pengetahuan yang bersistematis** dengan agensi lain.
- **Menggalakkan penglibatan ibu bapa secara berterusan** dalam pembangunan pendidikan dengan mewujudkan pendekatan/akses melalui pelbagai saluran.

Arkitektur Bisnes

Fokus arkitektur bisnes dalam fungsi organisasi adalah untuk mengoperasikan model bisnes bagi memenuhi visi dan misinya. Arkitektur bisnes ini ditakrifkan berdasarkan fungsi sedia ada di KPM yang merangkumi sektor SP dan SPT, di mana ia melibatkan fungsi bisnes dari pendidikan peringkat rendah sehingga peringkat tinggi. Arkitektur bisnes KPM telah mengalami perkembangan pesat sejak sekian lama dan merangkumi hampir kesemua fungsi bisnes yang diperlukan oleh KPM. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa fungsi yang kurang jelas tetapi penting bagi membantu perkembangan keseluruhan Kementerian. Fungsi tersebut telah di ambil kira dalam dokumen ini seperti *Business Intelligence* atau Analitik dan Pengurusan Pengetahuan.

Arkitektur bisnes ini dikategorikan kepada tiga (3) tonggak utama seperti berikut:

1. Pengurusan Hubungan (*Relationship Management*)

Merujuk kepada fungsi yang bertanggungjawab dalam penglibatan pemegang taruh di KPM (contohnya ibu bapa, orang awam, agensi lain, universiti dan sebagainya.)

2. Pengurusan Penyampaian Pendidikan (*Education Delivery Management*)

Merujuk kepada operasi teras institusi, tenaga pengajar dan pelajar di seluruh Malaysia serta fungsi sokongan pendidikan lain yang berkaitan. Fungsi pendidikan secara umumnya terbahagi kepada beberapa kumpulan iaitu pendidikan peringkat rendah (contohnya pengurusan sekolah rendah dan menengah), pendidikan peringkat tinggi (contohnya pengurusan IPTA) dan fungsi pendidikan yang umum (contohnya pengurusan biasiswa).

3. Operasi Sokongan (*Back-Office Operation*)

Merujuk kepada fungsi yang menjalankan pemprosesan sokongan dan/atau menjadi pengupaya untuk membantu operasi KPM (contohnya pengurusan sumber manusia, kewangan, khidmat pengurusan dan sebagainya) yang dilaksanakan secara umum di SP dan SPT.

Komponen dalam arkitektur bisnes KPM diterangkan secara terperinci dalam Bab 4.

Prinsip Reka Bentuk

Prinsip reka bentuk memberi garis panduan untuk mentakrifkan persekitaran ICT KPM masa hadapan dan pembangunan serta perolehan ICT yang perlu dilaksanakan. KPM perlu memupuk konsep pemikiran yang menyeluruh dan menambah baik jurang kerjasama antara Bahagian. Senarai prinsip reka bentuk yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

1. Menyediakan perkhidmatan pendidikan merangkumi keseluruhan kitar hayat pendidikan pelajar.
2. Menggunakan aplikasi agensi pusat dan menyediakan integrasi dengan sistem aplikasi KPM sekiranya perlu.
3. Menggabungkan sistem aplikasi khusus yang kecil ke dalam sistem aplikasi di peringkat Kementerian.
4. Mempelbagaikan saluran interaksi pengguna di semua peringkat dan merentasi sektor pendidikan rendah dan tinggi.
5. Menggalakkan kerjasama yang erat di antara Bahagian dan agensi luar melalui proses bisnes yang inklusif.
6. Memperkasakan kolaborasi dan perkongsian data yang lancar dalam KPM serta dengan pihak luar.
7. Menggunakan teknologi untuk meningkatkan keselesaan pengguna.
8. Menggalakkan ketangkasan (*agility*) melalui reka bentuk modular.
9. Mengurangkan kebergantungan terhadap ketersambungan rangkaian.

10. Memupuk budaya penggunaan semula aset digital (iaitu kandungan yang disimpan secara digital).
11. Menggalakkan proses automasi digital dengan mengurangkan proses manual.

Keupayaan Teknologi

Keupayaan teknologi merujuk kepada kemampuan teknologi teras dan digital yang perlu digunakan untuk mencapai aspirasi KPM dan memenuhi kehendak pemegang taruh. Keupayaan teknologi ini akan menyokong fungsi dan arkitektur bisnes KPM serta membolehkan operasi yang lebih mampan dan cekap.

Keupayaan teknologi juga menjadi fokus utama untuk menentukan elemen lain dalam persekitaran ICT masa hadapan, contohnya Struktur dan Model Operasi ICT yang diperlukan untuk merealisasikan dan mengoperasikan kemampuan teknologi ini.

Senario masa hadapan bagi kemampuan teknologi di KPM adalah seperti berikut:

1. Aplikasi Kementerian yang baharu, terutamanya bagi aplikasi teras. Aplikasi Kementerian merujuk kepada aplikasi yang memenuhi keperluan sesuatu fungsi bisnes yang digunakan oleh semua Bahagian di KPM. Ini bagi menambah baik aplikasi sedia ada yang:
 - Tidak berasaskan model data yang standard.
 - Memerlukan pengekodan semula dalam perkhidmatan web.
 - Telah lama atau usang.
 - Tidak boleh diskala atau sukar disepadukan.
 - Mempunyai fungsi yang bertindih dengan aplikasi lain.
2. Aplikasi yang dipertingkatkan terutamanya aplikasi sokongan di bahagian tertentu yang mempunyai kemampuan untuk menyokong keperluan operasi Kementerian.
3. Aplikasi sedia ada yang akan kekal berstatus quo iaitu aplikasi yang:
 - Mempunyai fungsi spesifik dan tiada keperluan untuk berintegrasi dengan sistem lain.
 - Merupakan perisian yang mempunyai fungsi minimum untuk membantu operasi harian.
 - Merupakan aplikasi yang dibangunkan secara *ad hoc* untuk acara/program yang khusus.

Persekitaran Aplikasi

Berdasarkan prinsip reka bentuk yang ditetapkan, landskap aplikasi masa hadapan KPM dijangka mempunyai:



Cadangan berkaitan aplikasi ini dibahagikan kepada enam (6) tema strategik – Tema Strategik A hingga F seperti yang dilampirkan dalam Bab 5.3. Fungsi utama landskap aplikasi masa hadapan KPM mempunyai ciri-ciri berikut:

- **Saluran umum pelbagai pengguna:** Kesemua saluran pengguna akan dijadikan sebagai saluran umum dengan adanya portal dan aplikasi mudah alih. Dua (2) portal yang akan dibangunkan adalah Portal Awam (moe.gov.my) dan Portal Dalaman Kakitangan. Kedua-dua portal tersebut akan beralih daripada portal yang hanya menyampaikan maklumat kepada portal yang berupaya menyediakan perkhidmatan atas talian kepada pengguna.
- **Platform umum integrasi:** Sebuah platform integrasi tunggal akan dikongsi oleh SP dan SPT di mana ianya akan direka bentuk berdasarkan prinsip dan amalan terbaik *Service Oriented Architecture (SOA)*. Platform ini akan membolehkan integrasi yang sistematik dari semua saluran pengguna baharu (contohnya portal, aplikasi mudah alih) ke sistem teras sokongan operasi Kementerian.
- **Aplikasi enterprise:** Aplikasi ini termasuk 21 aplikasi baharu yang dicadang dan dibahagikan sama ada khusus bagi SP (contohnya Sistem Pengurusan Sekolah), khusus bagi SPT (contohnya Sistem Politeknik dan Kolej Komuniti) atau yang dikongsi di antara kedua-dua sektor (contohnya CRM).
- **Gudang Data Berpusat:** Keupayaan analitik bisnes dapat dilaksanakan melalui Gudang Data Berpusat Kementerian (*Enterprise Data Warehouse, EDW*). EDW berfungsi sebagai sumber tunggal maklumat yang boleh dipercayai bagi aktiviti penyediaan laporan, analisa dan perancangan. EDW memperoleh data dari kedua-dua sumber iaitu luaran (contohnya institusi pendidikan tinggi, badan berkanun atau agensi dalaman) dan dalaman (contohnya data yang dikumpulkan dari aplikasi dalaman Kementerian).

Persekitaran Infrastruktur

Infrastruktur ICT yang kukuh perlu disediakan bagi menangani isu semasa dan menyokong persekitaran aplikasi baharu. Infrastruktur ICT tersebut mentakrifkan komponen utama seperti rangkaian data, pusat data, keselamatan ICT, *server* dan storan data. Cadangan berkaitan infrastruktur juga dibahagikan kepada lima (5) tema strategik seperti yang disenaraikan di bawah:

Tema Strategik A: Infrastruktur Rangkaian dan Talian yang Optimum untuk Menyokong Institusi Pendidikan, Semua Bahagian dan Agensi di bawah KPM

- Mempertingkatkan ketersambungan talian Internet di sekolah melalui penggunaan Penyedia Perkhidmatan Internet yang pelbagai.
- Memperluas Rangkaian Kawasan Setempat (*Local Area Network, LAN*) sekolah untuk meningkatkan kemudahan rangkaian yang terhad di makmal komputer kepada penggunaan sambungan tanpa wayar.
- Meningkatkan keupayaan akses jarak jauh sedia ada untuk mencapai data dan aplikasi KPM.
- Penyeragaman reka bentuk rangkaian dalaman dan dasar operasi bagi KPM.

Tema Strategik B: Pusat Data Umum dan Berpusat yang Seajar dengan Agenda Pusat Data Sektor Awam (PDSA) Kerajaan

- Pemusatan data dan pengendalian aplikasi yang berkaitan operasi di PDSA.

Tema Strategik C: Pengurusan Aset dan Perkakasan ICT yang Efisien di Institusi Pendidikan dan Seluruh KPM

- Pandangan holistik dan pemantauan inventori aset ICT melalui penggunaan Sistem Pengurusan Aset.
- Pelaksanaan proses dan prosedur bagi memantapkan pengurusan aset ICT.
- Pelaksanaan sewaan perkakasan ICT bagi SP.

Tema Strategik D: Sistem *Backup*, Storan dan *Server* yang Mantap dan Berprestasi Tinggi

- Pembangunan Pusat Pemulihan Bencana dan amalan terbaik bagi storan dan penyelenggaraan.

Tema Strategik E: Perkhidmatan Awan sebagai Model untuk Membangunkan Makmal Komputer Maya di Institusi Pendidikan dan IPTA


- Pembangunan platform perkhidmatan awan bagi menyokong dan meningkatkan pengalaman di bilik darjah.
- Transformasi makmal komputer kepada *makerspace* untuk mendapat pengalaman pembelajaran yang berkesan.

Tema Strategik F: Menaik Taraf Infrastruktur *Malaysian Research And Education Network (MYREN)* untuk Menyokong IPTA, Semua Bahagian dan Agensi di bawah KPM dengan Lebih Baik

- Meningkatkan ciri-ciri ketersediaan yang tinggi dan keupayaan perkhidmatan pusat data awan *MYREN*.
- Meningkatkan ketersambungan jalur lebar *MYREN* untuk meningkatkan capaian kepada perkhidmatan *MYREN* dan perkongsian data.

Model Operasi ICT

Model Operasi ICT merangkumi keupayaan, dasar dan proses yang diperlukan untuk melaksanakan *ITP*. Ringkasan model ini adalah seperti berikut:



Model Operasi ICT yang berstruktur perlu diwujudkan sebagai usaha untuk memupuk budaya pengurusan KPM yang bertanggungjawab. Selain itu, organisasi ICT masa hadapan perlu diuruskan secara berpusat di Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) untuk memberikan perkhidmatan sokongan yang menyeluruh kepada pemegang taruh. KPM perlu sentiasa bersedia dan fleksibel untuk bertindak balas terhadap perubahan dan perkembangan teknologi baharu. Cadangan tersebut bertujuan untuk mentakrif, melaksana dan mengukuhkan operasi ICT di KPM dan memastikan inisiatif yang disarankan akan tercapai. Tema strategik adalah berkait rapat dengan tujuh (7) model operasi ICT di mana setiap tema mempunyai cadangan utama yang diringkaskan seperti berikut:

Tema Strategik A: Memperkasa Strategi dan Keupayaan Perancangan ICT bagi Menyokong Penjajaran ICT dengan Keperluan Bisnes KPM

- Pelaksanaan amalan *Enterprise Architecture (EA)* berpusat dengan penubuhan Pejabat Arkitek.
- Pejabat Arkitek terdiri daripada empat (4) peranan utama iaitu Arkitek Bisnes, Arkitek Data, Arkitek Aplikasi dan Arkitek Teknologi.

Tema Strategik B: Memperkasa Struktur Tadbir Urus ICT Sedia Ada bagi Menyokong Penyampaian Perkhidmatan ICT di seluruh Kementerian

- Struktur tadbir urus ICT semasa yang tidak seragam di antara SP dan SPT akan digabungkan menjadi satu struktur tunggal.
- Struktur baharu ini termasuk peringkat tertinggi - Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT), Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) dan lima (5) jawatankuasa yang berkaitan dengan entiti tertentu, iaitu Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Badan Berkanun, Penyelaras Inisiatif dan Permohonan Perubahan Aplikasi.
- Pejabat Arkitek akan berfungsi untuk memberi khidmat nasihat berkaitan isu teknikal kepada JTI.

Tema Strategik C: Penerimaan Standard ICT bagi Menyokong BPM dalam Mengawal Tadbir Urus ICT

- Dasar dan prosedur ICT masa hadapan akan berdasarkan metodologi industri yang terbukti, merangkumi *IT Infrastructure Library (ITIL)* dan Rangka kerja *IT Service Management*.
- Ini juga termasuk keselamatan siber, polisi dan prosedur pada masa akan datang yang merujuk kepada Rangka kerja *Information Security Management Services (ISMS)*.

Tema Strategik D: Struktur Organisasi ICT yang Kukuh dan Tangkas (*Agile*) bagi Menyokong Agenda ICT di masa Hadapan

- Transformasi BPM sebagai Peneraju ICT KPM dan Pusat Kecemerlangan (*Center of Excellence, CoE*).
- Pemusatan fungsi ICT KPM kepada struktur pentadbiran tunggal di bawah BPM yang melibatkan negeri, daerah, sekolah dan pelbagai tahap pendidikan (Politeknik dan Kolej Komuniti).
- Pemusatan juruteknik ICT yang kini berada di beberapa institusi pendidikan sebagai sumber sokongan perkhidmatan serantau.

Tema Strategik E: Kemahiran dan Keupayaan Teknikal serta Operasi yang Cepak

- Pembangunan Pelan Pembelajaran yang holistik merangkumi Pengurusan Strategik, Operasi, Teknikal dan Kewangan.
- Definisi Model Pembelajaran yang meliputi empat (4) saluran iaitu repositori pengetahuan, e-pembelajaran, pementoran dan latihan bilik darjah.

Tema Strategik F: Pengurusan Sokongan ICT Bersepadu untuk Mewujudkan Penyampaian Operasi Sokongan ICT yang Efektif

- Meja Bantuan ICT berpusat dicadangkan untuk memberi perkhidmatan sokongan ICT kepada kedua-dua sektor (SP dan SPT).
- Amalan pengurusan *Service-level Agreement (SLA)* dilaksanakan bagi mengukuhkan proses tadbir urus.

Tema Strategik G: Amalan Pelaksanaan Projek yang Khusus untuk Memantau Pelaksanaan Inisiatif Pelan Transformasi ICT

- Pembentukan Pejabat Pengurusan Pelaksanaan (*Delivery Management Office, DMO*) bertujuan mengurus dan menyelia pelaksanaan 27 inisiatif yang telah dicadangkan di dalam ITP (diperincikan di bahagian seterusnya).

Senarai Inisiatif

Inisiatif ini merujuk kepada program atau projek untuk membantu KPM mencapai matlamatnya. Inisiatif ini terbahagi kepada dua (2) kategori, seperti berikut:

A

Memperbaiki Isu Asas

Merujuk kepada senarai inisiatif bagi menangani dan memperbaiki isu operasi semasa dan meningkatkan mutu operasi.

B

Mencipta Inovasi

Merujuk kepada senarai inisiatif inovatif baharu yang perlu dimulakan oleh KPM bagi menyokong agenda transformasi dan memastikan perkembangan yang berterusan.

Memperbaiki Isu Asas

A1	Mentakrifkan model data KPM dan meningkatkan penggunaan kamus data bagi menyeragamkan pelaksanaan aplikasi	Aplikasi
A2	Menangani kekangan ketersambungan rangkaian di semua institusi pendidikan secara strategik dan menambah baik LAN di KPM dan agensi di bawah KPM	Infrastruktur
A3	Meningkatkan keupayaan dan keselamatan infrastruktur Pusat Data untuk membolehkan integriti dan ketersediaan yang tinggi, dengan mengambil kira PDSA Kerajaan	Infrastruktur
A4	Mewujudkan strategi dan garis panduan sewaan peralatan ICT	Infrastruktur
A5	Membangunkan amalan <i>Enterprise Architecture (EA)</i> berasaskan rangka kerja <i>EA</i> sektor awam bagi menyokong penyelarasan antara bisnes dan ICT	Model Operasi
A6	Menguatkan pelaksanaan inisiatif ICT dengan mewujudkan Pejabat Pengurusan Pelaksanaan (<i>DMO</i>) KPM	Model Operasi
A7	Memperkasa struktur organisasi ICT baharu dan merubah Model Operasi ICT untuk menyokong pembuatan keputusan dan memacu operasi	Model Operasi
A8	Menguatkan dasar dan prosedur ICT yang memenuhi keperluan operasi ICT KPM di semua peringkat	Model Operasi
A9	Mewujudkan meja bantuan ICT berpusat dan menyelaraskan pengurusan <i>SLA</i> di seluruh KPM	Model Operasi dan Aplikasi
A10	Mempertingkatkan kompetensi dan keupayaan ICT bagi memperkukuhkan amalan ICT	Model Operasi
A11	Menambah baik infrastruktur dan ketersambungan <i>MYREN</i>	Infrastruktur

Inisiatif Mencipta Inovasi

B1	Membangunkan sistem aplikasi teras baharu yang berpusat (Sistem Pengurusan Pelajar, Guru dan Sekolah) untuk menyokong pengurusan pendidikan di SP	Aplikasi
B2	Mewujudkan platform integrasi bersepadu bagi menguruskan integrasi sistem	Aplikasi
B3	Menyediakan portal KPM sebagai akses tunggal kepada pengguna dalaman dan luaran untuk mencapai maklumat dan perkhidmatan di KPM	Aplikasi
B4	Mewujudkan Gudang Data KPM (<i>EDW</i>) bagi menyokong pembuatan keputusan yang efisien di KPM	Aplikasi
B5	Mewujudkan Sistem Pengurusan Peperiksaan bersepadu untuk sekolah dan institusi pendidikan lepasan menengah	Aplikasi
B6	Memanfaatkan dan mengukuhkan kerjasama dengan aplikasi agensi pusat bagi menyokong operasi KPM	Aplikasi
B7	Membangunkan sistem yang bersepadu untuk menguruskan pemberian biasiswa dan bantuan kewangan di seluruh KPM	Aplikasi
B8	Mewujudkan Hab Kolaborasi Ilmu dan menaik taraf Sistem Pengurusan Latihan bagi memastikan pembangunan modal insan KPM yang berterusan	Aplikasi
B9	Mewujudkan platform analitik data boleh skala untuk menjadikan KPM sebuah Kementerian yang berpacuan data	Aplikasi
B10	Melaksanakan Sistem Pengurusan Aset tunggal untuk mengurus keseluruhan aset di KPM	Aplikasi
B11	Mewujudkan sistem Pengurusan Hubungan Pelanggan (<i>CRM</i>) untuk memperkemas komunikasi dengan pihak luar	Aplikasi
B12	Mewujudkan Sistem Pengesanan Kehadiran (<i>ATS</i>) berpusat berasaskan teknologi digital untuk digunakan di kesemua pejabat dan institusi pendidikan	Aplikasi
B13	Mengupayakan platform aplikasi berasaskan awan bagi memudahkan pembangunan e-pembelajaran untuk pelajar dan pendidik.	Infrastruktur
B14	Mengguna pakai Automasi Proses Robotik (<i>RPA</i>) untuk membantu pemprosesan berulang yang berasaskan peraturan	Aplikasi
B15	Mewujudkan sistem berpusat untuk menyokong pengurusan institusi pendidikan tinggi	Aplikasi
B16	Melaksanakan Sistem Pengurusan Penyelidikan untuk menyokong pengurusan aktiviti penyelidikan, pengindeksan, pemantauan penyelidikan dan pemprofilan penyelidik	Aplikasi

Executive Summary

The ICT Transformation Plan (ITP) 2019-2023 is developed for Malaysia's Ministry of Education (*Kementerian Pendidikan Malaysia*) to support the overall education eco-systems and its stakeholders. It is mainly intended to address the needs of the two sectors, *Sektor Pendidikan* and *Sektor Pendidikan Tinggi*, including the Departments (*Bahagian*), *Jabatan*, the State and District Offices and the education institutions under the purview of the Ministry (e.g. public schools, Polytechnics, Community Colleges, Vocational and Matriculation Colleges and Public Higher Education Institutions). The plan does not define nor prescribe any form of curriculum nor syllabus.

Executive Summary


This document describes the ICT Transformation Plan (ITP) of Ministry of Education Malaysia (*Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)*) over the span of five (5) years from 2019 until 2023. The plan is developed through a series of consultative processes with active involvement and participation from *KPM* and its key stakeholders. This process entails various data gathering activities such as interviews with top management, surveys to users and ICT personnel, reviews of key documents, clarification with identified key stakeholders and site visits to selected schools across Malaysia. Findings and analysis gathered from these activities were presented and validated at the Validation and Transformation workshops involving over 100 key stakeholders of *KPM* across both sectors of *Sektor Pendidikan (SP)* and *Sektor Pendidikan Tinggi (SPT)*.

This ITP describes the ideal future ICT environment together with strategic and operational initiatives that supports *KPM* and the overall Government's journey in bringing the Ministry and its operations to greater heights.

In addition to describing the future ICT environment and the related initiatives, this report also provides *KPM* with an implementation strategy, overall timeline and effort required to execute the initiatives throughout the five-year period.

